


AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL



PREMIS memproses fucuk secara tradisional didapati tidak menjaga aspek kebersihan.



TIKUS dan lipas yang dijumpai di sebuah kedai runcit.

Kotor, loya dan menjijikkan!

2 premis perusahaan fucuk secara tradisional berulang kali diambil tindakan tetap tak serik

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Peralatan memproses makanan yang kotor, bau meloyakan dan tikus dilihat bebas berkeliaran. Itu antara keadaan menjijikkan dua premis perusahaan memproses fucuk secara tradisional di Solok Lembah Permai, Tanjung Bungah di sini.

Malah, premis yang diusahakan keluarga sejak tahun 70-an itu sudah berulang kali diambil tindakan oleh pihak berkuasa berikutan tahap kebersihan yang tidak memuaskan.

Kesalahan itu sekali lagi dikesan semasa pemeriksaan Op Tegar dijalankan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bersama Jabatan Kesihatan Persekitaran Bahagian Pelesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), semalam.

Pegawai Kesihatan BKMM JKNPP Mohd Wazir Khalid berkata, peralatan kayu yang digunakan bagi memproses fucuk didapati kotor dan boleh menyebabkan pencemaran dalam makanan.

Katanya, keseluruhan keadaan dua premis yang terletak bersebelahan antara satu sama lain itu amat tidak

memuaskan.

"Premis yang beroperasi sejak puluhan tahun itu juga tidak berlesen dan kita serahkan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi diambil tindakan kerana ia membabitkan struktur bangunan dan perlesenan.

"Susunan peralatan yang tidak sepatutnya ada dalam premis juga mengundang kehadiran tikus dan mereka juga tidak melakukan pembersihan berkala," katanya di lokasi serbuan.

Turut hadir, Pegawai Kesihatan Persekitaran M. Bahani.

Mengulas lanjut Mohd Wazir berkata, pemilik premis juga didapati melakukan penambahan struktur pada bangunan tanpa kebenaran.

Fucuk yang dipasarkan di sekitar Pulau Pinang itu juga didapati tidak mempunyai label pada bungkusannya selain perusahaannya yang didirikan di atas tanah berstatus perumahan.

"Kami sudah melakukan

pemeriksaan terakhir pada Mac tahun lalu di sini, namun keadaannya masih tidak berubah. Justeru, kami serahkan kepada kuasa PBT pula bagi mengambil tindakan," katanya lagi.

Pada pemeriksaan itu, tiga kompaun di bawah Akta Makanan 1983 yang keseluruhannya berjumlah RM7,500 dikeluarkan kepada pengusaha berkenaan.

Operasi itu turut dijalankan terhadap kedai runcit di Jalan Magazine di sini, susulan premis itu didapati tidak terurus dan berhabuk selain menggaji pekerja wargasing.

Mohd Wazir berkata, pemiliknya turut menjual be-

berapa produk makanan import tanpa label sah serta menyimpan ayam hidup dan melakukan proses penyembelihan di dalam premis.

"Penguat kuasa turut menemukan tikus di tepi pintu sejuk beku serta lipas di sekitar premis itu. Keadaan keseluruhannya adalah tidak memuaskan," katanya lagi.

"Premis berkenaan dikenakan notis penutupan mengikut Undang-undang Kecil (Establisymen Makanan) MBPP 1991.

"Tiga premis berkenaan antara empat yang diperiksa semasa operasi dan keseluruhan sebanyak enam kompaun dikeluarkan berjumlah RM13,000," katanya.

“
Premis yang
beroperasi sejak
puluhan tahun
juga tidak
berlesen
Mohd Wazir